

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : Rabu, 28 Oktober 2015

M/S : 18

18 NASIONAL



Nafisah (kanan) dan Kamariah **ketika Wacana Sulalatus Salatin Siri Keenam** di PNM, Kuala Lumpur.

[FOTO SHIRAZ ALI/BH]

4,600 manuskrip tulisan Jawi belum dikaji

Kuala Lumpur: Sebanyak 4,600 manuskrip bertulisan Jawi dalam pelbagai bidang ilmu yang menjadi koleksi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) belum dikaji.

Ketua Pengarah PNM, Nafisah Ahmad, berkata koleksi manuskrip itu dikumpulkan sejak 30 tahun lalu, iaitu ketika penubuhan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu PNM pada tahun 1985.

Katanya, manuskrip itu merakam ke-tamadunan Melayu dan khazanah keilmuannya yang berharga untuk diketengahkan khususnya kepada orang Melayu.

"Bagaimanapun, koleksi naskhah ini sehingga kini masih menunggu untuk diselidiki dan digali oleh pencinta manuskrip serta budayawan di negara ini.

"Saya amat berharap penemuan baharu daripada manuskrip ini dapat memanfaatkan masyarakat khususnya generasi moden hari ini," katanya kepada *BH* selepas merasmikan Wacana Sulalatus Salatin Siri Keenam di PNM, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kamariah Abu Samah.

Keunggulan Sulalatus Salatin

Wacana bersiri anjuran PNM dan DBP itu lanjutan daripada rumusan Seminar 400 tahun *Sulalatus Salatin* yang diadakan pada tahun 2013.

Wacana itu bertujuan membincangkan keunggulan *Sulalatus Salatin* yang diwartakan sebagai warisan dunia *Memory of the World Register* oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 2001.

Nafisah berkata, meskipun sudah berusia lebih 400 tahun, naskhah *Sulalatus Salatin* kekal relevan dan menjadi sumber penting dalam pengkajian sejarah kegemilangan dan ketamadunan Melayu.

"Karya ini menjadi sumber rujukan penting dalam menelusuri susur galur atau asal Kesultanan Melayu.

"Keunggulan *Sulalatus Salatin* bukan saja dikaji sarjana dari Timur, bahkan mereka dari Barat termasuk pengkaji dari Perancis, England, Belanda, Jerman dan China.

"Ia jelas menunjukkan karya ini adalah karya besar menyebabkan ilmuwan dan pengkaji daripada pelbagai disiplin ilmu terus menyelongkar dan mengupas kandungannya daripada pelbagai sudut," katanya.